



## **GARIS PANDUAN PEMILIHAN DAN PENERIMAAN PERMOHONAN BAGI PENEMPATAN PELAJAR- PELAJAR DARI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN SWASTA (IPTS) MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN KIMIA MALAYSIA**

---

### **Latar Belakang**

Jabatan Kimia Malaysia telah menerima pelajar-pelajar yang sebahagian besarnya dari Universiti atau Kolej Kerajaan untuk menjalani latihan industri bagi suatu tempoh masa yang ditetapkan. Jabatan ini merupakan salah satu daripada pelbagai agensi atau institusi di seluruh negara yang menerima permohonan untuk maksud tersebut. Latihan industri yang diperlukan oleh pelajar-pelajar yang berkenaan merupakan salah satu syarat wajib untuk lulus dalam kursus yang diikuti.

### **Tujuan**

Garis panduan ini disediakan bagi memudahkan pihak pengurusan Jabatan membuat pertimbangan memilih atau menerima permohonan pelajar-pelajar untuk menjalankan latihan industri di Jabatan Kimia Malaysia.

### **Urusetia**

Di Ibu Pejabat permohonan yang diterima hendaklah diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan dan Teknologi Maklumat (Unit Latihan), manakala di Makmal Cawangan hendaklah diuruskan oleh Pengarah masing-masing.

### **Bilangan Tempat Yang Ditawarkan**

Bilangan tempat yang disediakan pada satu-satu masa bergantung kepada keupayaan, kesesuaian dan boleh dikawal (*manageable*) dengan mengambilkira aspek-aspek seperti tenaga pelatih/penyelia yang ada (*availability of trainers/supervisors*), bidang latihan yang diperlukan, bentuk latihan yang mampu diberi, keselamatan, tidak menjejaskan keutamaan Jabatan (*not disruptive to the Department's priority*) dan lain-lain. Bilangan tempat sebenar yang akan ditetapkan bergantung kepada bilangan Pegawai Sains Gred C44, Gred C48, Gred C52 dan Gred C54 di Ibu Pejabat, Jabatan Kimia Malaysia.

Pengarah Makmal Cawangan boleh menentukan bilangan pelajar yang akan dipilih untuk menjalani latihan industri di makmal masing-masing berpandukan garis panduan ini.

## **Syarat dan Kriteria Pemilihan**

Pelajar-pelajar yang memohon hendaklah memenuhi syarat dan kriteria yang berikut:-

- i) Setiap permohonan mesti dibuat melalui dan mendapat sokongan Universiti atau Institusi masing-masing dengan disertai maklumat peribadi (C.V.) yang terkini dan mengisi borang maklumat permohonan pelajar seperti dalam **LAMPIRAN 'A'**.
- ii) Mengikuti kursus atau pengajian ijazah/diploma yang berkaitan dalam bidang kimia, bioteknologi atau teknologi makmal (*laboratory technology*) di IPTA/IPTS.
- iii) Permohonan bagi tempoh latihan Januari – Jun akan ditutup pada 30 November, manakala permohonan bagi tempoh latihan Julai – Disember akan ditutup pada 31 Mei setiap tahun.

Permohonan dari pelajar yang tidak memenuhi syarat dan kriteria yang tersebut di atas tidak akan dipertimbangkan.

## **Syarat dan Peraturan Semasa Menjalani Latihan Industri**

Setelah mendapat kelulusan menjalani latihan industri di Jabatan Kimia Malaysia, pelajar-pelajar yang berkenaan dikehendaki memenuhi syarat/peraturan seperti berikut :-

1. Setiap pelajar dibekalkan dengan PAS KESELAMATAN SEMENTARA yang perlu dipakai setiap masa ketika menjalani latihan industri dan pas ini hendaklah dikembalikan kepada Jabatan setelah menamatkan tempoh latihan industri.
2. Sebelum memulakan apa-apa tugas yang berkaitan dengan latihan industri yang dijalankan sama ada di dalam atau luar makmal, pegawai yang ditugaskan menyelia setiap pelajar hendaklah terlebih dahulu memastikan pelajar-pelajar tersebut memahami peraturan-peraturan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ditetapkan oleh Jabatan. Setelah itu, setiap pelajar dikehendaki menandatangani surat persetujuan (*letter of undertaking*) yang melepaskan Jabatan Kimia Malaysia daripada tanggungjawab atau liabiliti sekiranya berlaku sebarang kemalangan terhadap diri pelajar semasa menjalankan latihan industri. Surat persetujuan ini adalah seperti dalam **LAMPIRAN 'B'**.

3. Setiap pelajar hendaklah pada bila-bila masa mengikuti, akur dan mematuhi semua arahan/peraturan kerajaan, prosidur dan lain-lain keperluan Jabatan sama ada diberi secara bertulis atau lisan oleh pegawai-pegawai yang diberi tugas menyelia beliau.
4. Setiap pelajar perlu mengamalkan disiplin yang tinggi, menanam sifat amanah dan bertanggungjawab.
5. Masa latihan industri adalah tertakluk kepada waktu harian pejabat kerajaan yang sedang berkuatkuasa.
6. Setiap pelajar hendaklah mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan tidak akan membocorkan segala maklumat atau hal ehwal yang diketahui mengenai Jabatan Kimia Malaysia yang mungkin boleh menjejaskan imej Jabatan sekiranya maklumat-maklumat tersebut jatuh kepada pengetahuan pihak-pihak tertentu.
7. Sebarang harta intelektual (*intellectual property*) seperti laporan-laporan (*reports*), kertas kerja (*working papers*) dan sebagainya yang dihasilkan daripada latihan industri yang dijalani oleh setiap pelajar perlu disemak dan mendapat kelulusan Pegawai Penyelia yang ditugaskan. Harta intelektual ini adalah menjadi milik bersama Jabatan Kimia Malaysia dan pelajar dan tidak boleh disalin (*reproduced*) atau digunakan oleh pihak ketiga pada bila-bila masa tanpa kebenaran bertulis (*written consent*) daripada kedua pihak.
8. Jabatan Kimia Malaysia berhak pada bila-bila masa, menamatkan latihan industri mana-mana pelajar yang didapati tidak berdisiplin atau berkelakuan dengan tidak senonoh.

### **Penginapan, Pengangkutan dan Elaun Latihan**

1. Jabatan Kimia Malaysia tidak menyediakan penginapan dan pengangkutan kepada pelajar yang diterima untuk menjalani latihan industri. Setiap pelajar hendaklah mengurus sendiri penginapan dan pengangkutan masing-masing.
2. Jabatan ini juga tidak akan membayar elaun latihan kepada pelajar.

### **Yuran Latihan Industri**


1. Pelajar-pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti universiti atau kolej milik kerajaan yang diterima menjalani latihan industri di Jabatan ini tidak dikenakan bayaran yuran.

2. Buat masa ini pelajar-pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menjalani latihan industri di Jabatan ini juga tidak dikenakan bayaran yuran.

**Tarikh Kuatkuasa:**

Pelaksanaan Garis Panduan ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Saya yang menurut perintah,



**( DATUK KHALID SAFAN )**  
**Ketua Pengarah Kimia Malaysia**

**MAKLUMAT PERMOHONAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI  
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**Tarikh Tutup Pemohonan : 30 November (Tempoh Latihan Januari – Jun)  
31 Mei (Tempoh Latihan Julai – Disember)**

<u>A. MAKLUMAT PELAJAR</u>		<i>Lekatkan Gambar Terbaru</i>
Nama : .....		
Alamat : .....		
.....		
No Kad Pengenalan : .....	No Tel : .....	Email : .....
Bidang Pengajian : .....		
CGPA : .....		
<u>B. MAKLUMAT UNIVERSITI</u>		
Nama Universiti : .....		
Alamat : .....		
No Tel : .....	No Fax : .....	Email : .....
<u>C. MAKLUMAT PERMOHONAN</u>		
Tempoh Latihan Industri : .....hingga..... (.....minggu)		
Tempat Latihan* : Ibu Pejabat ( ) Cawangan ( ) ..... (Nyatakan)		
.....		Tarikh : .....
( )		
Tandatangan / Nama Pelajar		
.....		Tarikh : .....
( )		
Tandatangan / Nama Koordinator Cop Rasmi Universiti :		

*Nota : \* tandakan  $\surd$  di tempat yang dipilih  
Sertakan kursus-kursus utama yang telah diikuti semasa pengajian.*

# SURAT PERSETUJUAN

Saya ..... No. Kad Pengenalan .....  
seorang pelajar dari Universiti/Kolej .....  
yang telah diterima menjalani latihan industri di Jabatan Kimia Malaysia, .....  
.....  
mulai ..... hingga ..... membuat perakuan  
seperti berikut :-

- (a) Saya telah membaca dan diberi penerangan mengenai peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ditetapkan oleh Jabatan Kimia Malaysia yang perlu dipatuhi setiap masa ketika menjalani latihan industri sama ada di dalam atau luar makmal.
- (b) Saya memahami peraturan-peraturan tersebut dan berjanji untuk mematuhi.
- (c) Saya bersetuju melepaskan Jabatan Kimia Malaysia daripada sebarang tanggungjawab atau liabiliti sekiranya berlaku sebarang kemalangan terhadap diri saya semasa menjalani latihan industri di Jabatan ini.

Ditandatangani oleh saya:

.....  
(Nama Pelajar)

Tarikh:

Tandatangan saksi:

.....  
(Nama Saksi dan No. K.P.)

Tarikh: